

Perguruan perlu bersatu bagi perkembangan silat

Langkah paling awal yang perlu diambil oleh perguruan-perguruan silat di merata ceruk kampung ialah dengan menyertai Majlis-Majlis Silat Daerah (MSD) yang menjadi gabungan kepada Majlis Silat Negeri (MSN). Usaha yang dirintis di Johor melalui penubuhan MSD di setiap daerah patut dicontohi oleh negeri-negeri lain...

10 JAN 1988

PENYERTAAN pelbagai negara di dalam Kejuaraan Silat Sedunia Keempat yang lalu menunjukkan bahawa silat satu cabang seni warisan serantau telah menarik minat serta mendapat tempat di peringkat antarabangsa.

Bagi maksud pengembangan, Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT) dan badan-badan silat nasional seperti Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) perlu meningkatkan pencapaian perguruan-perguruan, menyebarluaskan bahan-bahan penerbitan dan penerangan mengenai silat dan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan yang lebih teratur di semua peringkat. *PENCAK SILAT*

Entinya, PESAKA selaku yang turut terbabit menubuhkan PERSILAT (selain dari Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam) memikul tugas yang berat untuk memastikan silat baik berupa 'seni silat' atau 'silat olahraga' dapat memenuhi keperluan fungsi yang harus dimainkannya itu.

B. Minggu (M)

Dengan segala keterbatasan yang ada, secara bersendirian PESAKA pasti tidak dapat menjayakan segala tugasnya ini.

Di segi usianya, PESAKA masih amat baru kerana ia hanya di tubuhkan di tahun 1981. Begitu jugalah dengan 13 buah Majlis Silat di peringkat negeri-negeri (kecuali Sabah) dan empat buah lagi pertubuhan silat peringkat kebangsaan (Silat Cekak, Silat Lincah, Gayung Malaysia dan Gayung Fatani) yang bergabung dengannya.

Bukanlah satu hal yang mudah untuk menyelaras dan meningkatkan pencapaian pelbagai jenis perguruan silat di seluruh negara. Kita maklumi sebilangan besar dari 465 buah perguruan silat di sini tidak berdaftar dan bergerak sendiri-sendiri.

Langkah paling awal yang perlu diambil oleh perguruan-perguruan silat di merata ceruk kampung ini ialah dengan menyertai Majlis-Majlis Silat Daerah (MSD) yang menjadi gabungan kepada Majlis Silat Negeri (MSN).

Usaha yang dirintis di Johor melalui penubuhan MSD di setiap daerah patut dicontohi oleh negeri-negeri lain. Kita maklumi juga, walaupun ada Majlis Silat Negeri di negeri-negeri tertentu tetapi MSD tidak dapat diwujudkan sepenuhnya di negeri berkenaan. Ini kerana kurangnya perguruan-perguruan silat di peringkat kampung yang menyertai MSD di situ.

Sikap berdasarkan perguruan sendiri lebih besar dan mantap dari perguruan lain dan seterusnya enggan bergabung di peringkat daerah dan negeri, perlulah dikikis kalau lahir kita mahukan seni bela diri rumpun Melayu ini benar-benar dapat diwarisi dan dikembangkan oleh generasi akan datang.

Selain itu, masih ada perguruan silat yang berkeberatan membenarkan 'anak muridnya' menyertai Pertandingan Silat Olahraga umpamanya kerana berpunca dari dua sebab penting.

Oleh MOKHTAR YUSOF

Pertama, mereka merasakan silat olahraga sebagaimana yang ditampilkan kini bukanlah 'silat' kerana tidak boleh menyerang bahagian-bahagian vital pada tubuh. Tidak boleh mematahkan atau mencederai apalagi membunuh.

Kedua, silat olahraga sebagaimana umumnya yang terlihat, belum atau tidak menampilkan kaedah silat yang baik. Pertandingan silat olahraga tidak lebih daripada 'bakuhantam' tak menentu, mempergunakan gaya campur aduk antara tinju, karate atau kung fu.

Sedangkan hakikat sebenarnya, silat olahraga ialah silat yang diubahsuai antara ciri kesenian dan kesukuan. Pengubahsuaan inilah yang dapat menempatkan silat setanding dengan kegiatan sukan yang lain yang boleh dipertandingkan dalam gelanggang sukan di peringkat antarabangsa.

Penjelasan-penjelasan seumpama ini perlu disebarluaskan oleh PESAKA dan kerabatnya. Ini boleh dilakukan baik melalui penerbitan atau siri-siri

penerangan dari masa ke semasa dan tidak hanya semasa diadakan satu-satu kejuaraan silat sahaja. Tambahan pula konsep silat olahraga itu sendiri masih baru di negara ini.

PESAKA juga perlu berunding dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk menyusun satu program kerja bersama bagi memperkembangkan kedua-dua aspek 'seni' dan 'olahraga' silat itu khususnya di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan belia hingga ke sekolah-sekolah.

Sehingga kini memang ada antara perguruan silat seperti Silat Cekak, Gayung Malaysia atau pun Gayung Fatani diperkenalkan di sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga di maktab-maktab perguruan. Kalaualih silat mahu dijadikan antara kegiatan kurikulum di sekolah-sekolahumpamanya seperti beberapa jenis seni bela diri yang lainnya, maka nama perguruan-perguruan tertentu hendaklah jangan digunakan sebaliknya dengan menggunakan istilah 'Silat Olahraga' sahaja.

Agar perkembangan di segi seninya dapat diterapkan langsung maka guru-guru yang akan dipertanggungjawabkan memimpin silat olahraga di sekolah-sekolah ini hendaklah terdiri dari mereka yang pernah 'berguru' dari perguruan-perguruan tertentu.

Sebelum itu, guru-guru yang terbabit perlu dilatih dan di beri pendedahan secukupnya berhubung silat olahraga ini khususnya melalui kursus-kursus hujung minggu atau pun kursus di masa cuti (KDC) ataupun mereka telah sedia terlatih di maktab-maktab perguruan.

10 JAN 1988

Kegiatan Kokurikulum

Kalaualah permainan bola baling boleh diperkenalkan di sekolah-sekolah sejak tiga empat tahun lalu melalui cara-cara yang disebutkan ini, tidak ada sebab hal yang serupa tidak boleh dilakukan untuk silat olahraga ini tadi.

Apabila perkembangannya benar-benar tersusun dan menyeluruh bolehlah pula dipertandingkan di peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSN) atau pun melalui Kejuaraan Silat Remaja seperti yang dilaksanakan di Indonesia dan Brunei Darussalam.

Kementerian Belia dan Sukan pula boleh mengadakan kem bakat atau kursus jurulatih untuk mendapatkan sekumpulan pesilat dan jurulatih serta wasit (pengadil) yang mahir dan bertauliah. Sebagai satu kegiatan rekreasi, silat olahraga juga boleh dikembangkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia.

Silat sememangnya mempunyai tradisi yang begitu lama di Gugusan Kepulauan Melayu. Silat juga baru sahaja diperkenalkan di Eropah dan seperti yang terbukti melalui Kejuaraan Silat Sedunia yang lalu, pesilat Eropah telah mencapai taraf yang begitu tinggi. Kita pun tahu orang Eropah sudah dapat mengalahkan orang Jepun dalam bidang judo dan jujitsu. Mereka juga banyak mencapai kejayaan dalam bidang karate. Apabila mereka mempelajari sesuatu, mereka mempunyai matlamat yang jelas iaitu kecemerlangan.

Kecemerlangan ini pula tidak akan kita perolehi kalaualah Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Sukan Negara tidak mempunyai program yang benar-benar terancang untuk membantu pesilat-pesilat negara. Tugas ini juga menuntut pihak PESAKA memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada mereka.

Sebenarnya tidak ada jalan mudah atau jalan singkat ke arah mencapai kecemerlangan ini. Pesilat-pesilat negara yang berjaya tempoh hari perlu terus melipatgandakan usaha mereka baik di segi stamina,

dirangkul itu kekal di dalam beberapa kejuaraan silat selepas ini.

Tugas yang perlu dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pula tidaklah sekadar 'menjual Malaysia' melalui siri-siri pertunjukan dan pertandingan seni beladiri rumpun Melayu ini. Kementerian berkenaan perlu mengadakan semacam satu skim galakan berupa bantuan kewangan kepada guru-guru silat yang membuka gelanggang persilatan di kampung masing-masing.

Siri-siri pertandingan dan demonstrasi seni silat perlu diadakan di peringkat daerah dan negeri. Bila diadakan kejuaraan silat olahraga peringkat kebangsaan, maka pertandingan seni silat ini boleh diseleksikan di dalam acara yang berasingan seperti yang dilakukan semasa berlangsungnya kejuaraan silat sedunia yang lalu.

Program pembinaan di bidang seni ini umpamanya dengan menampilkan unsur-unsur gerak dan irama di antara pelbagai perguruan yang sedia ada.

Kementerian yang sama juga perlu menyusun pedoman atau kriteria tertentu sehingga pembinaannya akan mengarah pada pengembangan unsur-unsurnya tadi.

Pembinaan dan pengembangan baik di segi seni mahu pun olahraganya biarlah benar-benar selari.

Penumpuan yang berlebihan di segi olahraganya saja akan dengan sendirinya menjauhkan perguruan-perguruan silat dari PESAKA ataupun Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

B. Minggu (M)

Selain dari itu sudahlah sampai masanya satu jawatankuasa khas diwujudkan baik di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ataupun oleh PESAKA sendiri bagi tujuan mendokumentasikan pelbagai jenis perguruan silat. Segala asal usul dan keistimewaan antara satu perguruan dengan perguruan yang lainnya perlu direkodkan setidak-tidaknya untuk bahan rujukan dan perbandingan generasi akan datang.

Tokoh-tokoh tertentu dan mahaguru silat yang pernah menganggotai Majlis Silat Negara (sudah terkubur) perlu ditemui untuk mendapatkan nasihat dan maklumat dari mereka. Mana-mana bahan yang terkumpul yang dikira sesuai untuk pengetahuan umum bolehlah diterbitkan melalui pelbagai media yang sedia ada.

TO JAN 1988

Indonesia umpamanya telah mengambil peranan utama selama 10 tahun untuk mengkaji, mengubahsuai dan memperkenalkan silat olahraga bukan sahaja di rantau ini tetapi juga kepada negara-negara Eropah. Indonesia juga turut menyediakan undang-undang dan peraturan pertandingan yang lengkap yang telah di terima pakai oleh semua pihak yang terlibat selama ini.

Banyak perkara yang boleh kita contoh dan pelajari dari negara tersebut jika kita benar-benar serius ke arah mengekal dan memperkembangkan silat ini.

Namun demikian, segala usaha yang dicadangkan ini sudah pasti akan melibatkan tenaga kepakaran ayng ramai, masa yang panjang dan belanja yang besar. PESAKA sendiri khasnya perlu melipatgandakan usahanya untuk mengukuhkan kedudukan kewangannya. Sikap terlalu bergantung kepada kementerian tertentu untuk membayai kegiatannya baik di peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa hendaklah dikurangkan.

PESAKA juga tidak boleh membiarkan kerabatnya di setiap negeri (termasuk empat pertubuhan silat peringkat kebangsaan) bergerak sendiri-sendiri tanpa sebarang pengawalan dan bantuan.

Pengembangan silat baik di segi seni atau pun olahraganya kini sudah menjadi tanggungjawab semua pihak. Pesilat-pesilat di segenap pelosok tanahair pula perlu bersatu membantu pengembangan perguruan masing-masing dan seterusnya menjayakan cita-cita yang selama ini dihasratkan oleh PESAKA khasnya dan PERSILAT itu sendiri amnya.